



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1990

**PINDAAN LINGKUNGAN GAJI BAGI PEMBAYARAN
ELAUN WILAYAH DAN ELAUN PENEMPATAN KHAS**

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk meminda lingkungan gaji bagi pembayaran Elaun Wilayah dan Elaun Penempatan Khas secara khas untuk penyandang.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan telah melaksanakan pelarasan gaji bagi pekerja-pekerja dalam Kumpulan A, B, C dan D melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1986, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1988 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1988. Berikutan dengan pelarasan gaji tersebut, didapati lingkungan gaji yang dipakai di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1988 bagi maksud pembayaran Elaun Wilayah dan Elaun Penempatan Khas secara khas untuk penyandang tidak lagi menggambarkan tanggagaji sebenar yang sedang diterima oleh seseorang pegawai pada masa ini. Oleh yang demikian lingkungan gaji berkenaan perlu dipinda dan diselaraskan dengan tanggagaji sekarang.

3. LINGKUNGAN GAJI BARU

3.1 Selaras dengan pelarasan gaji baru, lingkungan gaji di perenggan 4, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987 dan perenggan 3.1, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1988 adalah dipinda seperti di *Lampiran "A"*. Elaun Wilayah boleh terus dibayar kepada pegawai-pegawai yang bertukar wilayah dan pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak yang bertugas di negeri masing-masing berasaskan lingkungan gaji baru tersebut.

3.2 Lingkungan gaji Elaun Penempatan Khas yang sedang dibayar kepada pegawai-pegawai secara khas untuk penyandang sehingga tamat tempoh penempatan mereka adalah dipinda seperti di *Lampiran "B"*.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

5. PEMBATALAN

5.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini maka perenggan-perenggan tertentu dalam Pekeliling Perkhidmatan berikut adalah dibatalkan:

5.1.1 perenggan 4, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987; dan

5.1.2 perenggan 3.1, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1988.

6. AM

6.1 Jika terdapat apa-apa keraguan semasa melaksanakan Pekeliling Perkhidmatan ini, Ketua-ketua Jabatan adalah diminta supaya menghubungi Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan ini.



(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN),
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

Tarikh: 23hb Januari, 1990.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k.:

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan.

**LINGKUNGAN GAJI BARU BAGI MAKSUD
PEMBAYARAN ELAUN WILAYAH**

(1) *Lingkungan Gaji Sekarang	(2) *Lingkungan Gaji Baru	(3) Kadar Berdasarkan % Gaji Yang Diterima
Di bawah \$360	Di bawah \$410	25%
\$ 360-\$ 549	\$ 410-\$ 599	22½%
\$ 550-\$ 959	\$ 600-\$1,024	20%
\$ 960-\$1,939	\$1,025-\$2,049	17½%
\$1,940-\$3,310	\$2,050-\$3,569	15%
\$3,460 dan ke atas	\$3,570 dan ke atas	12½%

* Termasuk Elaun Memangku yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa.

**LINGKUNGAN GAJI BARU BAGI MAKSUD PEMBAYARAN
ELAUN PENEMPATAN KHAS (EPK)**

(1) *Lingkungan Gaji Sekarang	(2) *Lingkungan Gaji Baru	(3) Kadar EPK Bagi Pegawai Semenanjung Yang Ditukar Ke Sabah/Sarawak		(4) Kadar EPK Bagi Pegawai Sabah/ Sarawak Yang Ditukar Ke Semenanjung	
		Keluarga	Bujang	Keluarga	Bujang
\$	\$	\$	\$	\$	\$
Kurang dari 360	Kurang dari 410	210.00	125.00	170.00	85.00
360- 429	410- 479	240.00	155.00	190.00	110.00
430- 549	480- 599	270.00	185.00	215.00	130.00
550- 669	600- 719	300.00	215.00	240.00	155.00
670- 799	720- 849	330.00	245.00	265.00	180.00
800-1,039	850-1,104	360.00	275.00	290.00	205.00
1,040-1,119	1,105-1,184	390.00	305.00	310.00	230.00
1,120-1,239	1,185-1,304	420.00	335.00	335.00	250.00
1,240-1,359	1,305-1,424	450.00	365.00	360.00	275.00
1,360-1,504	1,425-1,589	480.00	395.00	385.00	300.00
1,505-1,939	1,590-2,049	510.00	425.00	410.00	325.00
1,940-2,594	2,050-2,704	550.00	465.00	440.00	355.00
2,595-2,919	2,705-3,029	600.00	515.00	480.00	395.00
2,920-3,189	3,030-3,299	650.00	565.00	520.00	435.00
3,190-3,459	3,300-3,569	700.00	615.00	560.00	475.00
3,460 dan ke atas	3,570 dan ke atas	750.00	665.00	600.00	515.00

* Termasuk Elaun Memangku yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa.

(b) Pegawai Sambilan

- (i) Pegawai Sambilan adalah juga layak dibayar Elaun Khidmat Awam seperti di perenggan (a) di atas. Walau bagaimanapun Pegawai Sambilan tidak layak menerima Elaun Khidmat Awam pada hari mereka tidak bekerja termasuk hari kelepasan atau cuti am. Elaun Khidmat Awam yang dibayar adalah berdasarkan kadar sehari seperti berikut:

<i>Kelulusan Akademik</i>	<i>Kadar Elaun Khidmat Awam Sehari</i>
(a) Ijazah	\$6.30
(b) Diploma, Sijil Tinggi Persekolahan	\$4.25
(c) Sijil Pelajaran Malaysia	\$2.95
(d) Sijil Rendah Pelajaran dan kelulusan yang rendah daripada Sijil Rendah Pelajaran	\$2.40

- (ii) Bagi maksud perkiraan Elaun Khidmat Awam atas kadar harian, bilangan hari di dalam sebulan adalah 27 hari. Perkiraan Elaun Khidmat Awam bagi pekerja sambilan di atas kadar harian adalah berdasarkan formula seperti berikut:

$$a - (y \times z)$$

a — Kadar Elaun Khidmat Awam Sebulan

y — bilangan hari tidak bekerja iaitu bilangan hari bekerja ditolak daripada 27 hari.

z — Kadar Elaun Khidmat Awam Sehari

3. PERATURAN PEMBAYARAN

3.1 Elaun Khidmat Awam boleh dibayar apabila seseorang pegawai bercuti bergaji penuh. Jika pegawai bercuti separuh gaji, Elaun Khidmat Awam yang layak dibayar adalah separuh daripada kadar elaun yang dilayakinya. Pegawai yang ditahan kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib dan dibayar separuh atau sebahagian daripada gaji bulanannya, adalah juga layak dibayar separuh atau sebahagian daripada Elaun Khidmat Awam mengikut nisbah yang sama dalam perkiraan gajinya. Elaun Khidmat Awam tidak boleh dibayar bagi tempoh pegawai bercuti tanpa gaji, dikenakan hukuman oleh Pihak Berkuasa Tatatertib supaya dilucut hak gajinya, digantung kerja atau di buang kerja.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Tarikh kuatkuasa kadar baru Elaun Khidmat Awam adalah mulai 1 Januari 1990.

5. PEMBATALAN

5.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, maka perenggan 24 (a), (b), (c) dan 25, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1980 adalah dibatalkan.